



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA DATUK SERI DR. AHMAD  
KHAN BIN NAWAB KHAN, TOKOH SENIMAN VETERAN 2022,  
MENGENAI LATAR BELAKANG PERIBADI, KERJAYA DAN  
PENGALAMAN HIDUP SEBAGAI SEORANG KOMPOSER, PENYANYI  
DAN PEMUZYK**

**OLEH:**

**NAMA PELAJAR: FATEN NAZIRAH BINTI RAMLI  
(2021103353)**

**NAMA PELAJAR: NUR ARRISYA BINTI AZMAN  
(2021196479)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2022-OGOS 2022)**

## ISI KANDUNGAN

NO	ISI KANDUNGAN	M/S
	Abstrak	1
	Penghargaan	2
	Senarai singkatan	3
	Biodata penemubual	4
	Biodata tokoh yang dipilih	6
1.0	Pengenalan 1.1 Pendahuluan 1.2 Latar belakang 1.3 Permasalahan kajian 1.4 Objektif kajian 1.5 Persoalan kajian 1.6 Kepentingan dan sumbangan kajian	8
2.0	Tinjauan literatur	12
3.0	Metodologi 3.1 Pendekatan kajian 3.2 Peserta kajian 3.3 Prosedur pengumpulan data 3.4 Carta gant projek	16
4.0	Transkrip temubual	19
5.0	Ralat	49
6.0	Log temubual	50
7.0	Hasil kajian	55
	Indek	59
	Rujukan	60
	Lampiran Lampiran 1- surat kebenaran Lampiran 2- surat perjanjian Lampiran 3- soalan temubual Lampiran 4- diari kajian Lampiran 5- gambar	62

## ABSTRAK

**Transkrip Temubual Bersama dengan Datuk Seri Dr. Ahmad Khan Bin Nawab Khan, tokoh seniman veteran 2022, mengenai latar belakang peribadi, kerjaya dan pengalaman hidup sebagai seorang komposer, penyanyi dan pemuzik.**

***Abstrak:** Datuk Seri Dr. Ahmad Khan bin Nawab Khan atau dikenali sebagai Ahmad Nawab ialah seorang komposer, pemuzik dan penyanyi terkenal di Malaysia. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai seorang komposer muzik yang berjaya. Ahmad Nawab dilahirkan pada 6 April tahun 1933 di Jalan Transfer, Pulau Pinang. Beliau telah menulis lebih 2000 buah lagu dan pernah bekerjasama dengan artis termasuk Tan Sri Datuk Amar Dr P. Ramlee, Puan Sri Datin Amar Saloma, Uji Rashid, Datuk Sudirman Arshad, Salamiah Hassan, Datuk Andre Goh dan M.Sani. Beliau terlibat dalam industri di Singapura dan Malaya pada 1950-an, 60-an dan kemudian bergabung pada 1970-an dengan Orkestra RTM selama 17 tahun dan menerima pelbagai anugerah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa beliau mendapat banyak anugerah di atas kecemerlangannya dalam bidang komposer ini. Setinggi-tinggi penghargaan yang diberikan oleh industri muzik Malaysia kepada beliau ialah Anugerah Seniman Negara 2006, pada 20 November 2006. Anugerah tersebut dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail semasa majlis Anugerah Seni Negara di 2006, anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia atau KeKKWa. Akhir sekali, beliau turut menerima hadiah wang tunai RM60, 000 dan dilantik menjadi perwakilan rasmi KeKKWa dalam forum dan seminar nasional dan antarabangsa.*

**Kata kunci:** pemuzik, artis, industri, komposer, anugerah

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah dan limpah kurniaNya kerana dapat menyiapkan tugas berkumpulan kajian sejarah lisan bagi subjek “Oral Documentation” (IMR604) ini dengan jayanya. Syukur ke hadrat Ilahi atas segala peluang, dugaan dan kekuatan yang telah dilimpahkan kepada saya untuk menyelesaikan penulisan tugas. Banyak pengalaman yang kami alami sepanjang proses ini, bukan sahaja dari aspek akademik tetapi juga dari aspek sahsiah. Kami berterima kasih kepada semua orang yang berbesar hati bekerjasama dalam kajian ini. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah atas tunjuk ajar dan banyak mengajar kami tentang tugas ini. Sebagai mentor, dia telah mengajar kami lebih daripada yang kami boleh berikan kepadanya di sini.

Dengan kesempatan yang ada ini kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh pilihan kami, iaitu Datuk Seri Dr. Ahmad Khan bin Nawab Khan di atas jasa baik beliau yang sudi mengorbankan masa dalam menjayakan sesi temubual untuk melengkapkan kajian sejarah lisan ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa kami, yang memberi kasih sayang dan bimbingan mereka bersama kami dalam apa jua yang kami kejar. Mereka adalah teladan utama kami. Selain itu, kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua rakan-rakan yang dikasihi atas motivasi, doa dan bantuan yang ikhlas sepanjang pengajian kami. Semoga Allah melimpahkan kejayaan dan kemuliaan kepada personaliti yang disebutkan di atas dalam hidup mereka.

Sekian, terima kasih

## SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	NAMA PENUH
AIM	Anugerah Industri Muzik
AMN	Ahli Mangku Negara
COVID-19	Coronavirus Disease 2019
DGPN	Darjah Gemilang Pangkuan Negeri
DSPN	Darjah Setia Pangkuan Negeri
DSDAK	Datuk Seri Dr. Ahmad Khan
FN	Faten Nazirah
IM245	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem
IMR604	Oral Documentation
KPKM	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
MACP	Nadi Cipta
NA	Nur Arrisya
PAPITA	Persatuan Penyanyi, Pemuzik, Penulis Lagu Tanah Air
PhD	Doktor Falsafah
PJN	Panglima Jasa Negara
PKT	Pingkat Kelakuan Terpuji
RTM	Radio Televisyen Malaysia
THR	Anugerah Sepanjang Hayat
UPM	Universiti Putra Malaysia

## **BIODATA PENEMUBUAL**

### **PENEMUBUAL 1**



Nama : Faten Nazirah Binti Ramli  
Alamat : Tanah Merah, Kelantan.  
Nombor Telefon :  
Emel :  
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem  
(IM245)

## PENEMUBUAL 2



Nama : Nur Arrisya Binti Azman  
Alamat : Machang, Kelantan.  
Nombor Telefon :  
Emel :  
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem  
(IM245)

## BIODATA TOKOH YANG DIPILIH



Nama : Datuk Seri Dr. Ahmad Khan Bin Nawab Khan  
Tarikh Lahir : 6 April 1932  
Tempat Lahir : Jalan Transfer, Pulau Pinang  
Alamat : Kuala Lumpur, Malaysia  
Nombor Telefon :  
Hobi : Bermain saksofon

Pendidikan:

### **Rendah**

1. Sekolah Rendah Francis Light Pulau Pinang

Kerjaya:

1. Komposer
2. Pemuzik
3. Penyanyi

Anugerah:

1. Anugerah Merak Kayangan- Lagu Terbaik (1980)
2. Anugerah Seniman Negara (2006)

3. Panglima Jasa Negara (PJN)
4. Ahli Mangku Negara (AMN)
5. Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN)
6. Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN)
7. Anugerah Doktor Terhormat Doktor Falsafah (PhD) (2000)
8. Anugerah Juara Lagu (1988)
9. Anugerah The Lion of Malaysian Music
10. Anugerah Pengubah Muzik Terbaik
11. Anugerah Gemilang Seri Temasek
12. Anugerah Tata Muzik Terbaik Anugerah Festival Filem Malaysia Ketiga
13. Anugerah Asean Song Festival (1981)
14. Anugerah Industri Muzik (AIM) (1993)
15. Anugerah Pengiktirafan Jasa-jasa Dalam Industri Muzik
16. Anugerah daripada Malaysian Association of Phonogram and Videogram Producers and Distributors (1993)
17. Anugerah Tokoh Hiburan- Jasamu Dikenang (1994)
18. Anugerah Persatuan Penyanyi, Pemuzik, Penulis Lagu Tanah Air (PAPITA) (1993)
19. Anugerah Nadi Cipta (MACP) (1999)
20. Anugerah Sepanjang Hayat (THR) (2003)
21. Anugerah Khas Bintang Popular Berita Harian (2006)
22. Anugerah Khas Klasik (2006)
23. Anugerah Pingkat Kelakuan Terpuji (PKT)
24. Pingat Jasa Kebaktian
25. Pingat Setia Ahmad Shah

## 1.0 PENGENALAN

### 1.1 PENDAHULUAN

Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, seni ditakrifkan sebagai karya yang diciptakan dengan bakat, iaitu hasil ciptaan halus dan karya seni yang mempunyai nilai keindahan dan memberikan kepuasan kepada peminatnya, Contohnya, lukisan, muzik, puisi dan juga ukiran. Menurut kamus Bahasa dan Pustaka Muzik bermaksud gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan, bunyi-bunyian, pemuzik ahli muzik, pemain alat muzik, atau pengubah muzik

Menurut ensiklopedia melayu, muzik klasik kontemporari adalah muzik klasik berbanding dengan masa kini. Pada awal abad ke-21, ini biasanya merujuk pada bentuk-bentuk moden musik pasca-tonal pasca-1945 setelah kematian Anton Webern, dan termasuk musik bersiri, muzik elektronik, muzik eksperimental, dan musik minimalis. Bentuk muzik yang lebih baru merangkumi muzik spektrum, dan post-minimalism. Ini adalah istilah umum untuk muzik kontemporari, tetapi makna dan kandungannya tidak tetap kerana definisi kontemporari dan muzik berbeza. Selari dengan istilah muzik kontemporari, istilah seperti muzik moden, muzik baru, muzik avant-garde, muzik eksperimental, dan muzik hari ini juga digunakan. Istilah muzikal ini digunakan hampir sebagai sinonim untuk muzik kontemporari, walaupun terdapat perbezaan nuansa yang halus, dan sering merujuk kepada muzik artistik berdasarkan idea dan teknik baru. Istilah muzik kontemporari tidak digunakan dalam bidang muzik popular seperti jazz dan lagu-lagu popular, tetapi dalam arti luas itu bermaksud muzik seni abad ke-20.

Dunia muzik dan dunia komposer tidak dapat dipisahkan bagai isi dengan kuku, muzik merupakan warisan yang perlu dipelihara kerana ianya memiliki harga yang tidak boleh diukur. Warisan perlu dijaga kerana memelihara warisan seharusnya menjadi tunggak utama dalam membangunkan generasi di masa hadapan. Ini kerana, warisan akan melambangkan budaya bagi setiap bangsa yang seharusnya dipraktikkan sehingga akhir zaman. Tinggalan sejarah seringkali dikaitkan dengan sumber utama untuk menarik perhatian

pelancong luar yang berkunjung ke negara kita. Oleh itu, wajarlah identiti negara dipelihara dengan menjaga dan mewarisi tinggalan sejarah itu.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Dato' Seri Dr. Ahmad Nawab atau nama sebenarnya Ahmad Khan bin Nawab Khan merupakan seorang penggubah lagu, pemain muzik serta penyanyi yang terkenal di Singapura dan Malaysia. Beliau telah menggubah lagu lebih daripada 2,000 lagu sejak penglibatannya dalam dunia seni. Beliau juga telah diberi penganugerahan sebagai Seniman Negara Ke-7.

Dato' Seri Dr. Ahmad Nawab dilahirkan di Pulau Pinang, merupakan seorang komposer muzik yang terkenal di Malaysia dan masih lagi bergiat aktif dalam penggubahan lagu sehingga ke hari ini. Sepanjang penglibatannya dalam dunia muzik, beliau telah menghasilkan lebih 200 buah album yang didendangkan oleh artis-artis tempatan dan luar negara yang popular dan berbakat besar seperti Uji Rashid, Hetty Koes Endang, Khatijah Ibrahim, Sudirman Haji Arshad, Ramlah Ram, Broery Marantika dan ramai lagi.

Popularitinya telah membuktikan bahawa lagu-lagu ciptaannya adalah berkualiti, di mana beliau masih mampu bersaing serta dapat bertahan lebih dari tiga puluh tahun dalam dunia muzik tanah air walaupun terdapat kemunculan ramai komposer-komposer muda yang serba berkebolehan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Nawab juga merupakan orang yang bertanggungjawab bagi mengubah lagu "Malaysia Truly Asia", yang dinyanyikan oleh Khatijah Ibrahim. Lagu tersebut turut dijadikan lagu tema bagi mempromosi Malaysia pada persada antarabangsa.

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan utama ialah komposer veteran ataupun seniman veteran sekarang makin tengelam dan makin dilupakan oleh banyak pihak. Menurut Malaysia Kini yang ditulis oleh Nadia Azam, Komposer dan pemuzik terkemuka Ahmad Nawab meluahkan kekecewaannya apabila anugerah Seniman Negara yang diperolehi pada 2006 dirasakan tidak membawa sebarang erti buatnya apabila beliau seakan-akan terus dilupakan. Bagi Ahmad, menjadi kerugian besar buat negara ini apabila bakat, idea dan pengalaman yang ditimba tidak dicerap generasi terkemudian supaya ia memberi manfaat kepada dunia muzik tempatan. Beliau juga pernah menerima anugerah doctor kehormat pada tahun 2000 dan dianugerahkan gelaran Seniman Negara pada 2006. Walaupun dengan anugerah tersebut tetap tiada uiversiti yang menunjukkan minat untuk mendapatkan tunjuk ajar, pengalaman dan nasihat daripada beliau.

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

- 1.4.1 Untuk mengkaji mengenai latar belakang tokoh seniman veteran Dato' Seri Dr Ahmad Nawab
- 1.4.2 Untuk mengkaji mengenai penglibatan dan sumbangan tokoh sepanjang perkhidmatan tokoh
- 1.4.3 Untuk mengetahui mengenai anugerah dan pencapaian sepanjang perkhidmatan tokoh.

### **1.5 PERSOALAN KAJIAN**

Bagaimanakah kehidupan tokoh Dato' Seri Dr. Ahmad Nawab, sebagai seorang komposer dan ahli muzik. Berikut adalah persoalan kajian:

- 1.5.1 Apakah latar belakang tokoh seniman veteran Dato' Seri Dr Ahmad Nawab
- 1.5.2 Apakah penglibatan dan sumbangan tokoh Dato' Seri Dr Ahmad Nawab dan bidang komposer dan muzik
- 1.5.3 Apakah anugerah dan pencapaian yang pernah dimiliki sepanjang perkhidmatan beliau dalam bidan komposer dan muzik.

## 1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini penting untuk menaikkan balik nama seniman-seniman veteran yang makin dilupakan terutama kepada pihak universiti dan golongan anak-anak muda pada masa kini agar bakat-bakat ini dapat diwarisi oleh generasi seterusnya. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji mengenai penglibatan dan sumbangan Ahmad Nawab, hal ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana perkhidmatan beliau dalam bidang ini dan untuk mengetahui dari mana dan bila beliau mulai melibatkan diri dalam dunia muzik dan komposer. Dengan ini kita dapat tahu banyak mengenai beliau. Sebagaimana yang kita telah ketahui sebelum ini, beliau telah menerima anugerah seniman pada tahun 2006 tetapi bakal beliau makin hari makin dilupakan jadi universiti tempatan perlu melihat bahawa Ahmad Nawab adalah seorang seniman veteran yang berbakat besar dan sangat diperlukan dalam bidang muzik, mungkin universiti boleh melantik Ahmad Nawab sebagai salah seorang tenaga pengajar dalam bidang muzik. Disamping, Ahmad Nawab juga pernah menerima anugerah kehormat doktor falsafah (PhD) dalam bidang kesusasteraan oleh Universiti Putra Malaysia pada tahun 2000.

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

Menurut, Charles E. Jenks, 2010, sejarah lisan ialah satu proses yang menggabungkan penyiasatan sejarah dengan kemahiran etnografi. Pengkaji meneroka, melalui soalan, peristiwa sejarah dengan orang yang dapat mengimbas kembali pengalaman hidup pada masa itu. Ahli sejarah lisan sering mengumpul rakaman bunyi atau video dan kemudian menyediakan transkrip temu bual yang ditaip. Dengan penggunaan maklumat sedemikian, penyelidik dapat membina naratif peristiwa atau tempoh sejarah itu dari sudut pandangan yang berbeza. Menurut Zahidi Zainol Rashid, 2013 Di Malaysia hasrat dan cita-cita untuk menubuhkan Persatuan Sejarah Lisan Malaysia bukanlah sesuatu yang baru, tetapi baru-baru ini ia menjadi kenyataan hasil daripada perkembangan positif perpustakaan awam dan universiti negeri di seluruh Malaysia, yang menggalakkan setiap perpustakaan menjalankan projek sejarah lisan.

Tetapi ada beberapa cabaran yang besar dimana mereka mungkin tidak mahu mendedahkan maklumat yang mereka anggap sulit. Biografi telah disiapkan, berdasarkan fakta yang diperolehi daripada buku-buku ini. Selain itu, untuk menampung maklumat yang tidak mencukupi untuk mengisi jurang, temu bual telah dijalankan. Apabila Persatuan Sejarah Kedah ingin membuat kajian tentang gipsi laut di Phuket, didapati tiada sumber maklumat tersedia mengenai mereka. Berbeza dengan buku Indonesia terdapat mengenai biografi Sukarno tetapi tidak banyak buku mengenai Tunku Abdul Rahman. Ia mempunyai potensi untuk mendapatkan maklumat yang tidak diketahui yang disimpan dalam ingatan individu dan kumpulan. Projek sejarah lisan memerlukan perbelanjaan yang besar, iaitu peralatan rakaman, kos perjalanan, surat-menyurat, pemprosesan rakaman dan dokumentasi. Ketulenan maklumat yang dikumpul daripada temu bual adalah subjek yang amat penting.

Di Malaysia juga nilai seniman veteran makin hari makin susut nilainya, menurut kenyataan media yang ditulis oleh Farihad Shalla Mahmud dan Serimah Mohd Sallehuddin pada 2021, isu bayaran pelakon veteran yang tidak setimpal dengan bakat dan pengalaman, malah, ada antara mereka mendakwa diperlekehkan syarikat produksi, memberi bayangan rendahnya nilai diberi segelintir penggerak industri kreatif terhadap insan seni ini.

Betapa tinggi apresiasi pembikin filem Hollywood terhadap nilai seni dan bakat bintang 'senior' seperti Meryl Streep yang masih diberi peranan teraju utama pada usia 72 tahun, malah, menggondol trofi Pelakon Wanita Terbaik, Anugerah Akademi, pada usia emas, jika dibandingkan dengan senario di Malaysia. Tidak hairanlah, isu bayaran tidak setimpal, layanan kelas kedua dan diugut syarikat produksi sering disuarakan pelakon veteran sejak dahulu lagi.

Menurut laman rasmi Menteri Pendidikan Malaysia, Malaysia mempunyai enam cabang seni iaitu, seni muzik, seni halus, seni reka bentuk, seni komunikasi visual, seni tari dan seni teater. Seni muzik adalah satu cabang seni dan juga sains yang menggabungkan bunyi-bunyi vokal serta instrumental termasuk bunyi-bunyi semula jadi dan persekitaran atau rekaan dengan satu cara yang dianggap memuaskan mengikut estetika, corak pemikiran dan emosi manusia yang juga boleh mencerminkan sesuatu budaya tertentu. Seni halus pula adalah cabang seni yang karyanya dapat dilihat secara visual oleh mata dan dapat disentuh dengan tangan. Seni reka bentuk pula biasa diterjemahkan sebagai seni terapan, seni bina, dan berbagai pencapaian kreatif lainnya. Seni komunikasi visual (komunikasi melalui penglihatan) adalah sebuah rangkaian proses penyampaian informasi atau pesan kepada pihak lain dengan penggunaan media penggambaran yang hanya terbaca oleh indera penglihatan. Komunikasi visual mengkombinasikan seni, lambang, tipografi, gambar, desain grafis, ilustrasi, dan warna dalam penyampaiannya. Seni tari pula adalah suatu gerakan yang berirama, dilakukan di suatu tempat dan waktu tertentu untuk mengekspresikan suatu perasaan dan menyampaikan pesan dari seseorang maupun kelompok. Seni menjadi wujud ekspresi diri dari manusia, yang sering dijadikan sarana hiburan dan pertunjukan. seni teater adalah jenis kesenian pertunjukan drama yang dipentaskan di atas panggung.

Komposer dan muzik tidak boleh dipisahkan, menurut Komang Dharma Santhika, bagi seseorang yang berkecimpung dalam dunia komposer, berkarya adalah sesuatu yang amat penting bagi mereka kerana mereka akan merasakan kehidupan mereka lebih hidup hanya dengan berkarya. Sebaliknya, dia akan merasakan kehidupannya menjadi bosan tanpa berkarya. Kerja-kerja itu dilakukan untuk merealisasikan potensinya, untuk menyedari dirinya, untuk berkembang dan matang, serta untuk

mendedahkan dan mengaktifkan semua kapasiti dalam dirinya, supaya dia akan dapat mencari dirinya sebagai seorang komposer.

Menurut arkib daripada penulis Zieman yang bertajuk Melodi Emas Ahrnad Nawab tiada tandingan, Zieman mengatakan bahawa ujian sebenar kemerdekaan sebuah melodi apabila ianya berjaya menjangkau batas waktu dan usia. Melodi yang indah akan lebih sehati di dalam jiwa dan melekat di sanubari sekiranya ada usaha untuk memelihara irama yang sebegini. Usaha murni pihak Istana Budaya dengan mengangkat khazanah tidak terbilang seorang lagenda seperti Datuk Ahmad Nawab di dalam Konsert Melodi Emas 2 baru-baru ini, harus diberi pujian.

Sewajarnya bintang lagenda yang berpengaruh dan mencapai status seperti Ahmad Nawab, seorang komposer dan pencipta lebih dari 2, 000 buah lagu diberikan penghormatan mengadakan tiga buah konsert pada tiga malam berturut-turut. Konsert itu juga telah mencipta sejarahnya sendiri apabila ramai peminat Ahmad Nawab yang tergolong dari segenap lapisan masyarakat tidak kira tua atau muda, tidak melepaskan peluang untuk turut serta menghayati irama nostalgia yang tidak jemu didengar itu.

Selain itu, menurut Shazlin Amir Hamzah & Shamsul Amri Baharuddin, Ahmad Nawab telah dihubungi oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia untuk menggubah sebuah lagu sempena kempen pelancongan negara berjudul 'Malaysia Truly Asia' pada tahun 1999. Beliau menerima tugas ini dengan penuh rasa terharu di samping merasakan ia sebuah tanggungjawab yang begitu besar. Senikata kepada lagu tersebut, yang ditulis dalam Bahasa Inggeris, telah pun disediakan oleh pihak kementerian. Tugas beliau adalah untuk menyesuaikan senikata tersebut dengan sebuah melodi, yang akan dapat menggambarkan budaya seni setiap komponen kaum etnik terbesar di Malaysia – iaitu Melayu, Cina dan India. Beliau akhirnya melengkapkan gubahan ini dengan menambahkan alunan kompang, muzik seruling Wayang Kulit Kelantan dan serunai sehingga menjadikan lagu ini ternyata jelas sebuah lagu yang menggabungkan gaya muzik tradisional dan moden.

Seterusnya, menurut Abdul Hamid Adnan, Syamsul Bahrin Zaibon & Ahmad Hisham Zainal Abidin, Ahmad Nawab menyarankan untuk mencari penyanyi yang sesuai, komposer perlu membuat tinjauan untuk mengesahkan konsep lagu yang diinginkan.

Justeru, jika melodi untuk penyanyi lain, komposer perlu memilih penyanyi yang mempunyai sifat yang paling sesuai untuk menyanyikan melodi tersebut termasuk kualiti watak yang diingini. Kenali penyanyi dengan lebih dekat menerusi 'bual tarik keluar' bagi menentukan kecenderungan penyanyi itu membentuk lagu kegemaran.

Menurut Zawawi Ibrahim, ikon kreatif iaitu Ahmad Nawab berpindah dari RTM ke EMI untuk mengukir dirinya sendiri dalam dunia komersial muzik popular Melayu. Bersama penyanyi terkenal Indonesia, Broery, Nawab menghuraikan gaya Indonesia; manakala bersama penyanyi sensasi Malaysia, Jamal Abdillah, dia menghampiri gabungan muzik Ramlee dengan mengadaptasi rasa berasaskan Hindustan dalam gubahannya untuk artis. Kemudian, dengan diva nyanyian wanita legenda, Allahyarham Sharifah Aini, dia menggunakan kedua-dua gaya. Nampak jelas sub-gaya muzik yang diciptanya disesuaikan dengan watak dan orientasi tertentu penyanyi individu.

Akhir sekali, menurut Norhidayu Zainal, Radio Televisyen Malaysia (RTM) membawakan dokumentari yang melihat sumbangan besar seniman kepada negara dan memilih Ahmad Nawab menerusi program Legenda Ahmad Nawab. Program menampilkan pengacara Imuda ini menonjolkan perbezaan kerana sebelum ini banyak pihak menghasilkan dokumentasi mengenai Ahmad Nawab dan sumbangannya dalam bentuk jurnal mahupun buku, tetapi belum ada yang melakukannya menerusi visual dan rancangan TV. Lebih istimewa apabila buat kali pertama program ini dihasilkan orang paling dekat dan memahami tokoh muzik negara iaitu anaknya, Nasir Ahmad Nawab. Program menarik enam episod ini menjadi penggalak kepada penggiat muda dan mereka yang meminati muzik dalam berkarya. Kelebihannya apabila ia turut menghimpunkan artis atau penyanyi yang pernah bekerja dengannya.

Secara umumnya, apabila berkarya, perkara pertama yang dimahukan oleh komposer ialah memupuk inspirasi. Ilham yang diperoleh menyebabkan hati bergerak, sehingga berlaku proses kreatif dan menjadi daya yang mengekalkan proses penciptaan<sup>1</sup> Setiap komposer mempunyai kaedah tersendiri untuk meningkatkan kemahiran, ketajaman muzik, dan daya kreatif yang menyokong proses penciptaan.

### **3.0 METODOLOGI**

Temubual ini dilakukan bersama komposer terkenal Malaysia iaitu Dato' Seri Dr. Ahmad Khan bin Nawab Khan atau dikenali sebagai Ahmad Nawab. Temubual ini dilakukan untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai seorang komposer muzik yang berjaya. Temubual akan dijalankan secara atas talian untuk mengelakan penularan covid19. Tarikh temubual tersebut adalah pada 23 Jun 2022 bermula pada jam 2.30 petang hingga 4.30 petang.

#### **3.1 PENDEKATAN KAJIAN**

Kaedah sejarah lisan yang digunakan adalah temubual atas talian. Kami akan menemu bual Dato' Seri Dr. Ahmad Khan bin Nawab Khan secara panggilan video. Semasa menebual kami akan membuat rakaman skrin untuk merakam perbualan dan temubual Bersama Ahmad Nawab sebagai salah satu kaedah sejarah lisan. Disamping itu, kami juga akan mencatat maklumat-maklumat penting semasa temubual Bersama beliau.

#### **3.2 PESERTA KAJIAN**

Dato' Seri Dr. Ahmad Khan bin Nawab Khan atau dikenali sebagai Ahmad Nawab dipilih sebagai seniman veteran pilihan adalah kerana beliau merupakan komposer professional dengan pencapaian yang telah dicipta sangat mengagumkan. Beliau telah menulis lebih 2000 lagu dan mencipta 200 album sendiri. Beliau telah menerima banyak anugerah termasuk anugerah tertinggi semasa kerjayanya dalam menulis muzik.

Sedikit sebanyak tentang beliau, Dato' Seri Dr. Ahmad Khan bin Nawab Khan dilahirkan pada 6 April tahun 1933 di Jalan Transfer, Pulau Pinang. Beliau dikenali secara profesional sebagai Ahmad Nawab iaitu seorang komposer tersohor di Malaysia. Beliau telah menulis lebih 2000 buah lagu dan pernah bekerjasama dengan artis termasuk Tan Sri Datuk Amar Dr P. Ramlee, Puan Sri Datin Amar Saloma, Uji Rashid, Datuk Sudirman Arshad, Salamiah Hassan, Datuk Andre Goh dan M.Sani.

Beliau terlibat dalam industri di Singapura dan Malaya pada 1950-an, 60-an dan kemudian bergabung pada 1970-an dengan Orkestra RTM selama 17 tahun dan menerima pelbagai anugerah. Beliau mendapat banyak anugerah di atas kecemerlangannya dalam bidang komposer ini. Antara anugerah yang paling ketara ialah Anugerah Merak Kayangan iaitu Lagu Terbaik, Bintang Malam pada tahun 1980. Setinggi-tinggi penghargaan yang diberikan oleh industri muzik Malaysia kepada komposer senior itu ialah Anugerah Seniman Negara 2006, pada 20 November 2006. Anugerah tersebut dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail semasa majlis Anugerah Seni Negara pada 2006, anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia atau KeKKWa. Akhir sekali, beliau turut menerima hadiah wang tunai sebanyak RM60, 000 dan dilantik menjadi perwakilan rasmi KeKKWa dalam forum dan seminar nasional dan antarabangsa.

### **3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA**

Kaedah ataupun prosedur pengumpulan data yang digunakan adalah kajian secara atas talian dan temubual secara atas talian. Kami mencari maklumat sedikit sebanyak mengenai Ahmad Nawab secara atas talian melalui beberapa website dan article secara atas talian sebelum temubual dijalankan agar kami dapat mengumpulkan maklumat dan dapat membina soalan untuk ditanyakan semasa sesi temubual. Kaedah ataupun prosedur kedua yang digunakan adalah temubual secara atas talian, temu bual atau yang dikenal dengan istilah interview adalah suatu proses interaksi dan komunikasi dari dua orang atau lebih. Metode ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat dengan bertanya langsung kepada responden. Definisi yang hampir sama iaitu satu situasi di mana penemu bual akan bertanya soalan pada seseorang atau lebih responden secara bersemuka.

### 3.4 CARTA GANT PROJEK

NO	Aktiviti/ Minggu	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
1.	Dapat maklumat mengenai tugas sejarah lisan dari pensyarah	✓									
2.	Mula membuat kajian mengenai seniman veteran	✓									
3.	Pemilihan pertama memilih Sabri Yunus dan Ahmad Nawab	✓									
4.	Mencari maklumat mengenai tokoh		✓								
5.	Pemilihan akhir adalah Ahmad Nawab		✓								
6.	Menyiapkan abstract untuk mendapatkan kelulusan pensyarah			✓							
7.	Mengisi form untuk mendapatkan borang kajian			✓							
8.	Mendapatkan kelulusan pensyarah untuk membuat penyelidikan keatas Ahmad Nawab				✓						
9.	Menyiapkan proposal				✓						
10.	Menyiapkan preliminary notes				✓						
11.	Menyiapkan soalan untuk sesi temubual					✓	✓	✓	✓	✓	
12.	Sesi temubual berjalan										✓

#### **4.0 TRANSKRIP TEMUBUAL**

Berikut adalah rakaman temubual sejarah lisan bersama Datuk Seri Dr. Ahmad Khan Bin Nawab Khan yang merupakan seniman veteran 2022. Rakaman temubual ini adalah mengenai latar belakang peribadi, kerjaya dan pengalaman hidup sebagai seorang komposer, penyanyi dan pemuzik. Sesi temubual ini dijalankan aplikasi Google Meet bermula jam 12.00 tengah hari dan berakhir pada jam 1.30 petang. Temubual ini dijalankan oleh Faten Nazirah Binti Ramli dan Nur Arrisya Binti Azman.

**FN : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang peribadi, kerjaya dan pengalaman hidup sebagai seorang komposer, penyanyi dan pemuzik. Bersama- sama kami ialah Datuk' Seri Dr. Ahmad Nawab yang merupakan seorang seorang penggubah lagu dan pemuzik yang terkenal di Singapura dan Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 28 Jun 2022 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 2.30 petang secara atas talian melalui applikasi google meet. Temubual ini dikendalikan oleh Faten Nazirah Ramli dan Nur Arrisya Azman. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.**

DSDAK : (berdehem) Waalaikumussalam W.B.T.

**FN : Apakah nama penuh Datuk Seri?**

DSDAK : Nama saya selepas saya dilahirkan ialah Abdullah. Selepas saya berumur tiga tahun, ayah saya menukar nama saya kepada nama Ahmad Khan Nawab Khan.

**FN : Adakah Datuk Seri mempunyai nama samaran atau nama panggilan?**

DSDAK : Disebabkan oleh nama tersebut, orang ramai memanggil saya dengan panggilan Ahmad Nawab.

**FN : Bilakah Datuk Seri dilahirkan?**

DSDAK : Tahun Sembilan belas tiga puluh tiga (1933), iaitu pada enam April.

**FN : Dimanakah Datuk Seri dilahirkan?**

DSDAK : Saya dilahirkan di Pulau Pinang.

**FN : Dimanakah Datuk Seri tinggal sekarang?**

DSDAK : Sekarang saya tinggal di Kuala Lumpur, No. 13 Jalan Rubik, Taman Melewar, Gombak.

**FN : Dimanakah Datuk Seri dibesarkan?**

DSDAK : Saya dibesarkan di Pulau Pinang. Selepas saya umur dua puluh (20) tahun, saya berkahwin dan saya berpindah ke Kuala Lumpur.

**FN : Apakah hobi Datuk Seri pada masa lapang?**

DSDAK : Pada waktu dahulu saya suka bermain bola sepak, bermain permainan video dan menonton wayang filem-filem yang saya minat.

**FN : Adakah hobi tersebut sedikit sebanyak dapat menenangkan fikiran Datuk Seri?**

DSDAK : Memang betul. Apabila saya menonton pertandingan bola sepak, saya berasa sangat tenang. Begitu juga dengan menonton filem, ia memberi ketenangan kepada saya.

**FN : Selain daripada hobi tersebut, apakah yang selalu Datuk Seri lakukan pada waktu lapang?**

DSDAK : Pada masa lapang, saya selalu berlatih bermain saksofon. Hal ini kerana, saksofon ini memerlukan banyak latihan kalau tidak ia amat susah untuk dimainkan. Hampir hari-hari saya berlatih tetapi ada juga masa yang saya tidak berlatih seperti pada waktu petang.

## TAMAT BAHAGIAN 1

**FN : Sekarang kita beralih kepada bahagian latar belakang keluarga, siapakah nama ibu Datuk Seri?**

DSDAK

**FN : Siapakah nama ayah Datuk Seri?**

DSDAK : Nawab Khan Bin Rana Khan.

**FN : Apakah pekerjaan ibu dan ayah Datuk Seri?**

DSDAK : Ibu saya tidak bekerja dan ayah saya bekerja bank di Penang.

**FN : Bolehkan Datuk Seri ceritakan bagaimanakah ibu bapa Datuk Seri telah mendidik Datuk Seri sehingga menjadi insan yang berjaya?**

DSDAK : Saya cukup hormat kedua-dua ibu bapa saya. Setiap kali hari raya, saya selalu cium kaki ibu saya dan saya juga tidak pernah melawan kata-kata mereka. Walaupun saya sudah bekerja, saya tidak berhenti untuk menyokong kedua-dua ibu bapa saya. Ibu dan ayah ini amat penting dalam diri kita kerana jika mereka tiada, kita tidak akan ada di dunia ini. Jadi, kita kena hormat dan sayangi mereka, hidup kita akan menjadi lebih berkat. Itulah kejayaan saya yang saya dapat katakan kerana saya amat menghormati mereka dan harini saya dapat mencapai semua cita-cita saya.

**FN : Berapa orang bilangan adik beradik Datuk Seri?**

DSDAK : Tiga orang dan saya merupakan anak yang pertama. Anak kedua bernama Akbar Khan dan ketiga bernama Umar Khan.

**NA : Dimanakah adik-beradik Datuk Seri tinggal?**

DSDAK : Seorang lagi sudah meninggal dan seorang lagi tinggal di Kuala Lumpur.

**NA : Adakah adik-beradik Datuk Seri berkecimpung dalam bidang yang sama dengan Datuk Seri?**

DSDAK : Ya. Mereka berdua juga terlibat dalam bidang muzik.

**FN : Bilakah Datuk Seri mula mendirikan rumah tangga?**

DSDAK : Ketika saya berumur dua puluh (20) tahun dan isteri saya berumur enam belas (16) tahun.

**FN : Siapakah nama isteri Datuk Seri?**

DSDAK : Nama isteri saya ialah Siti Zainab Binti Ibrahim.

**FN : Dimanakah Isteri Datuk Seri berasal?**

DSDAK : Dia berasal dari Perak. Saya bertemu dengannya di Pulau Pinang.

**FN : Apakah pekerjaan isteri Datuk Seri?**

DSDAK : Isteri saya tidak bekerja. Dia hanya surirumah tangga dan hanya menjaga anak-anak.

**FN : Datuk Seri mempunyai berapa orang anak?**

DSDAK : Saya mempunyai enam orang anak tapi seorang sudah meninggal dunia.

**FN : Bagaimanakah Datuk Seri sebagai seorang bapa? Seorang yang garang ataupun berlemah lembut?**

DSDAK : Saya seorang yang lemah lembut, saya tidak pernah memarahi anak-anak saya. Isteri saya pun saya tidak pernah marah. Bukan setakat itu sahaja, penyanyi-penyanyi bawah bimbingan saya pun saya tidak pernah marah. Biasanya, kalau saya marah saya hanya diam. Orang sekeliling saya akan tahu bahawa saya sedang marah kalau saya diam.

**FN : Adakah mereka tinggal dengan Datuk Seri?**

DSDAK : Sekarang ada dua orang anak yang tinggal bersama saya. Tiga orang lagi tu mereka tinggal sendiri.

**FN : Boleh Datuk Seri beritahu kami serba sedikit mengenai anak Datuk Seri?**

DSDAK : Anak saya yang bernama Ismail Khan juga bermain muzik. Dia juga pernah mencipta lagu dan sekarang dia sedang mengajar muzik di sekolah Tapah. Selain itu, anak saya Nasir juga bekerja di studio muzik tapi sekarang dia tidak bekerja. Seorang anak saya yang perempuan juga tinggal dengan saya dan seorang lagi anak perempuan saya bekerja sendiri.

**FN : Apakah petua Datuk Seri dalam mendidik anak-anak sehingga berjaya dalam hidup?**

DSDAK : Yang pertama, kita harus berdisiplin. Apabila kita berdisiplin, kita senang untuk bekerja. Saya paling tidak suka bila orang cakap “tidak boleh”. Saya juga tidak suka orang yang tidak menepati masa. Semua dalam dunia ini kita boleh buat, itu petua saya. Saya seorang yang “humble type” walaupun saya mempunyai nama. Saya berkawan dengan semua orang yang ingin berkawan dengan saya.

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

**FN : Seterusnya, kita pergi ke bahagian latar belakang pendidikan awal. Pada tahun bilakah Datuk Seri mula mendapatkan pendidikan awal?**

DSDAK : Sembilan belas empat puluh lima (1945).

**FN : Datuk Seri bersekolah rendah di sekolah mana?**

DSDAK : Pada awalnya saya belajar di Perak Road dan selepas itu saya belajar di Francis Light School. Saya belajar sampai tahap lima sahaja.

**FN : Apakah cita-cita Datuk Seri waktu kecil?**

DSDAK : Cita-cita saya tiada Cuma kalau saya belajar saya amat tekun. Ayah saya pesan agar belajar untuk tidak menipu, tidak mencuri, tidak aniaya orang. Kalau orang meminta tolong kita harus menolong mereka. Saya selalu mendengar nasihat dari ibu bapa saya. Tuhan dah letak saya menjadi seorang pemuzik dan itu semua di bawah kuasa tuhan.

**FN : Pada tahun bilakah Datuk Seri mendapatkan pelajaran di sekolah rendah?**

DSDAK : Ketika itu saya berumur dua belas (12) tahun iaitu pada tahun sembilan belas empat puluh lima (1945).

**FN : Apakah mata pelajaran yang Datuk Seri paling gemari ketika di sekolah rendah dan di sekolah menengah dan kenapa?**

DSDAK : Saya suka melukis, saya banyak melukis. Saya pernah memenangi pertandingan melukis di Singapura. Ramai yang menjangkakan saya menjadi seorang pelukis berbanding dengan pemuzik.

**FN : Adakah Datuk Seri ada pegang apa-apa jawatan sewaktu di sekolah rendah?**

DSDAK : Tiada (ketawa). Saya seorang pelajar biasa sahaja.

**FN : Apakah pencapaian tertinggi yang Datuk Seri telah berjaya capai di sekolah menengah?**

DSDAK : Masa di sekolah, saya biasa sahaja. Saya pun tidak tahu apa yang saya dapat. Saya hanya pernah menang pertandingan melukis sahaja.

### TAMAT BAHAGIAN 3

**FN : Berikutnya, kita ke bahagian kerjaya awal. Apakah pekerjaan awal Datuk Seri setelah tamat pengajian?**

DSDAK : Saya terus belajar muzik dan bekerja sebagai pemuzik. Dan sampai sekarang saya masih bekerja sebagai seorang pemuzik dan tiada lagi kerja lain yang saya buat. Muzik ini dah sehati dalam diri saya dan ia adalah darah daging saya.

**FN : Dimanakah permulaan Datuk Seri berminat dengan bidang muzik ini?**

DSDAK : Pada mulanya bila bapa saya ajar muzik, saya tidak suka tetapi lama-kelamaannya, saya jadi berminat dengan bidang ini. Saya tidak pernah terlintas pun ingin menjadi seorang pemuzik. Selepas bapa saya ajar, saya banyak mengenali pemuzik luar Negara seperti di Amerika dan sebagainya. Sebab dari pemuzik tersebut, saya banyak memperolehi pengalaman kerana di Malaysia dulu kekurangan kelas muzik. Selain itu, saya suka bertanya kepada orang yang mengetahui tentang ilmu muzik.

### TAMAT BAHAGIAN 4

**FN : Selanjutnya kita beralih kepada kerjaya seorang penyanyi. Bagaimanakah Datuk Seri boleh melibatkan diri dalam bidang nyanyian?**

DSDAK : Apabila saya dah belajar muzik, bakat nyanyian itu datang dengan sendirinya. Tetapi, saya bukan seorang penyanyi yang hebat seperti penyanyi-penyanyi yang saya didik. Saya boleh menyanyi tapi saya lebih menumpukan kepada saksofon dan pencipta lagu. Tentang ingin “record” lagu itu, saya tidak kisah kalau tidak ada pun.

**FN : Kalau kami ingin tahu apakah langkah pertama yang Datuk Seri lakukan untuk menjadi seorang penyanyi?**

DSDAK : Benda itu datang dengan sendiri tanpa kita perlu belajar kalau kita sudah melibatkan diri dalam bidang muzik ini. Kalau kita dah boleh ajar ramai orang dalam bidang ini, sudah tentu kita sendiri pun boleh menyanyi. Saya tidak belajar dengan sesiapa tentang nyanyian ini sebab saya sudah berada dalam “line” yang sama.

**FN : Dengan siapakah Datuk Seri berlatih untuk melatih vokal ini?**

DSDAK : Saya tidak berlatih dengan sesiapa, saya hanya berlatih sendiri. Hal ini kerana, kita sudah tahu macam mana untuk menyanyi sebab kalau saya tidak tahu cara untuk menyanyi bagaimana saya ingin mengajar anak didikan saya. Penyanyi di bawah bimbingan saya itu semua saya yang ajar. Walaupun mereka adalah penyanyi yang terkenal, tetapi tunjuk ajar itu masih ada. Sebab mereka lahir dengan bakat yang tinggi, jadi mereka mudah untuk diajar.

**FN : Apakah persepsi awal orang sekeliling yang kurang baik setelah Datuk Seri bergelar sebagai seorang penyanyi?**

DSDAK : Saya rasa tiada apa yang saya perlu kawal sebab saya hanya ikut cara yang bapa saya ajar dan selepas itu saya “improve” kan diri saya sendiri. Muzik ini banyak peringkat, peringkat pertama kita kena tahu cara belajar “note”, menulis “note”. Di peringkat kedua, kita perlu pandai menulis lagu dan peringkat ketiga kita harus tahu cara untuk menyusun muzik atau dipanggil gubahan. Peringkat keempat, kita kena belajar di dalam studio dan peringkat kelima kita belajar dalam filem studio. Selepas itu, kalau kita pandai bermain saksofon, kita boleh menjadi seorang yang terkenal. Bukan itu sahaja, jika kita bermain orkestra kita duduk di depan dan bukan di belakang kerana kita memimpin kumpulan. Itu semua adalah benda yang saya belajar dan semuanya tercapai.

**FN : Apakah lagu pertama yang Datuk Seri nyanyikan?**

DSDAK : Ketika itu, umur saya enam belas (16) tahun. Saya terbaca sebuah “magazine”, ia mengatakan jika kita ingin menjadi seorang yang terkenal kita kena tahu banyak bahagian dalam muzik. Pertama, kita harus tahu bermain muzik dan selepas itu kita harus pandai menjadi penulis lagu serta penggubah lagu, bekerja di studio dan filem studio. Jadi, barulah kita boleh Berjaya. Pada suatu malam, ketika saya berusia enam belas (16) tahun, saya terpancang ke langit yang penuh bintang-bintang, saya cakap pada diri saya yang saya ingin mencuba mencipta lagu. Dengan kuasa Tuhan, saya mendapat ilham lagu “Bintang Malam”. Lagu pertama saya ialah “Bintang Malam”. Lagu ini dirakam di piring hitam oleh seorang penyanyi terkenal ketika iaitu Zaharah Agus. Zaharah Agus pernah berlakon dengan P. Ramlee dalam filem Madu Tiga sebagai isteri yang pertama. Selepas itu, lagu ini pernah direkod banyak penyanyi seperti penyanyi Indonesia juga pernah rekod dan P. Ramlee pernah mengambil lagu ini dalam filem Do Re Mi sebab dia terlalu minat lagu ini dan diberikan kepada Saloma.

**FN : Siapakah artis yang Datuk Seri pernah berganding semasa menyanyi?**

DSDAK : Khadijah Ibrahim pernah menyanyi dengan saya, Noreen Nur pernah juga menyanyi dengan saya dan ada beberapa orang penyanyi lagi yang pernah menyanyi dengan saya dalam album.

**FN : Berapakah lagu yang pernah Datuk Seri nyanyikan sehingga kini?**

DSDAK : Saya ingat tidak banyak lebih kurang dalam sepuluh (10) buah lagu. Sebab saya tidak beberapa serius dalam menjadi seorang penyanyi, saya serius dalam menjadi seorang pencipta lagu. Jadi, saya menyanyi sebahagian sahaja dan kalau saya betul serius untuk menjadi penyanyi, saya akan tumpu untuk menjadi seorang penyanyi sahaja. Saya penerbit album, mengajar orang penyanyi, membuat lagu, menggubah muzik dan saya serius dalam bermain saksofon. Disebabkan itu saya betul-betul serius praktis bermain saksofon. Tentang lagu ini, kalau ada atau tiada saya tidak kisah kerana saya bukan ingin menjadi seorang penyanyi.

**FN : Genre apakah yang selalu Datuk Seri bawa ketika menyanyi?**

DSDAK : (ketawa) Saya suka lagu-lagu ala Hindustan, lagu pop pun saya suka, lagu jazz. Dan lagu-lagu yang saya nyanyi itu ada yang asli, joget, tempo ala Hindustan juga ada. Jadi, semua tempo saya nyanyikan.

**FN : Kalau boleh saya tahu, siapakah artis yang pernah Datuk Seri ajar dalam bidang nyanyian ini?**

DSDAK : Banyak sangat. Yang terkenal adalah seperti Jamal Abdillah, Khadijah Ibrahim, Ramlah Ram, Siti Fairuz, Latif Ibrahim, Dj Dave, Sudirman, Broery Marantika, Hetty Kroes Hendang dari Indonesia juga pernah menyanyi lagu saya. P. Ramlee dan Saloma pun pernah menyanyi lagu saya yang jadi top tertinggi.

**FN : Dalam filem Hapuslah Air Matamu, adakah Datuk Seri membawa watak sebagai penyanyi?**

DSDAK : Dalam filem Hapuslah Air Matamu, saya membawa watak sebagai seorang pencipta lagu. Saya bukan seorang penyanyi kerana dalam filem itu sudah ada watak seorang penyanyi seperti Sharifah Aini, Broery Ramantika. Watak saya hanyalah seorang pencipta lagu yang menaikkan Sharifah Aini.

## **TAMAT BAHAGIAN 5**

**FN : Selanjutnya kita ke bahagian kerjaya sebagai seorang komposer. Bagaimana Datuk Seri boleh menceburi bidang sebagai komposer?**

DSDAK : Komposer itu seperti yang saya cakap tadi apabila saya mula-mula membaca sebuah “magazine” tadi, saya mengatakan jika kita ingin maju dalam bidang muzik, kita harus menjadi seorang komposer. Semua ini atas kuasa Tuhan sebab lagu saya popular dan pernah jualan tinggi seperti Ku Kunci Hatimu iaitu empat ratus (400) ribu unit. Lagu ini telah memecah rekod dalam industry Malaysia.

**FN : Kalau boleh kami tahu, siapakah pendorong utama untuk Datuk Seri menceburkan diri dalam bidang ini?**

DSDAK : Saya dulu minat P. Ramlee, saya selalu dengar lagu-lagu dia dan saya cukup minat dengan dia. Suatu hari nanti, saya ingin menjadi seperti dia juga, sampailah kita berdua bekerjasama waktu P. Ramlee datang ke Kuala Lumpur pada tahun Sembilan belas enam puluh empat (1964), kita bekerjasama dan banyak saya tolong dia serta dia pernah menyanyi lagu saya iaitu Ilham Tiba dan Taman Firdausi. Itulah dua lagu yang dia minta dengan saya untuk menyanyi dalam filem dia.

**FN : Boleh ceritakan kenapa Datuk Seri berminat untuk menceburi bidang muzik dan komposer ini?**

DSDAK : Sebab dari mula saya belajar muzik, bila kita belajar muzik kita kena belajar lebih dari satu iaitu mencipta lagu, pemain muzik, pemain saksofon, bekerja di studio, bekerja di filem studio. Itulah permulaan yang saya baca dalam buku itu, jadi saya teruskan benda itu sampailah sekarang kerana itulah saya berjaya dalam bidang ini.

**FN : Berapakah usia Datuk Seri Ketika Datuk Seri mulai terjebak dalam bidang muzik dan komposer?**

DSDAK : Waktu saya umur enam belas (16) tahun saya mencipta lagu pertama iaitu “Bintang Malam”, lagu “Hiburkan Hatiku”. Banyak lagu-lagu yang pergi ke peringkat atas sampailah saya menjadi seorang penerbit album.

**FN : Bagaimanakah perasaan Datuk Seri ketika pertama kali mencipta lagu?**

DSDAK : Apabila saya mencipta lagu itu, saya tidak tahu sama ada lagu itu menjadi popular ataupun tidak. Jadi bila lagu itu diambil oleh Zaharah Agus merakamkan di piring hitam, saya berasa amat seronok. Apabila lagu itu dirakam di piring hitam, lagu itu akan berjaya seperti Ahmad Jaafar, Yusof P mereka akan kenal Ahmad Nawab. Tetapi lagu “Bintang Malam” yang menjadi terkenal ada di Singapura.

**FN : Sebagai seorang komposer, dari manakah Datuk Seri mendapat ilham untuk mencipta lagu?**

DSDAK : Ilham ini satu perkara yang susah untuk diterangkan sebab ia datang secara berperingkat. Mula-mula, saya cipta ilham datang begitu, jadi dah banyak buat lagu, saya mendapat ilham melalui karakter penyanyi. Kalau saya ingin membuat satu lagu dengan penyanyi itu, saya kena belajar karakter dia dahulu dan bukan saya boleh terus begitu sahaja. Jadi bila saya buat lagu itu untuk penyanyi tersebut khas untuk dia. Penyanyi lain walaupun bagus tetapi tidak sama dengan penyanyi itu sebab lagu saya adalah semua karakter “song”. Hal ini banyak orang tanya saya bagaimana saya mendapat ilham, ilham saya begitu contohnya saya cipta lagu itu untuk Jamal Abdillah, lagi itu khas untuk dia dan orang lain tidak boleh menyanyi. Kalau saya buat lagu untuk Sharifah Aini atau Ramlah Ram, sama juga begitu. Lagu-lagu saya ini adalah karakter “song”.

**FN : Datuk Seri sudah dikenali di banyak negara. Jadi negara mana lagi yang ingin Datuk Seri tawan?**

DSDAK : Waktu saya buat lagu Malaysia Truly Asia, itulah saya dapat peluang dapat pergi ke negara-negara. Lagu-lagu itu dirakam dalam bahasa mereka, kalau saya pergi France, lagu akan dirakam dalam bahasa France, saya pergi Germany. Lagu itu membawa tuah kepada saya tetapi lagu itu sekarang ini jarang dimainkan. Dahulu ia selalu dimainkan di luar Negara supaya orang kenal Malaysia. Pada tahun 2000, apabila lagu ini dimainkan, saya berasa bangga sebab saya anak Melayu pertama yang boleh pergi merekodkan lagu di Moscow, Spain, Turki, Arab dan semua negara yang saya pergi itu, sayalah anak Melayu yang pertama.

**FN : Apakah lagu Datuk Seri yang meninggalkan kesan paling besar dalam diri Datuk Seri sendiri selain daripada lagu Malaysia Truly Asia?**

DSDAK : Lagu-lagu pop, saya baru buat konsert pada minggu lepas, bila penyanyi itu menyanyi seperti Jamal Abdillah, Ramlah Ram, Khatijah Ibrahim dia “bring back the memories” pada zaman saya record pada 30 tahun lalu, apabila saya dengar mereka menyanyikan lagu-lagu itu, ianya mengingatkan kembali zaman-

zaman saya rakam lagu ini. Lagu-lagu saya cipta semuanya saya suka kerana itulah lagu ciptaan saya.

**FN : Selain dari lagu yang Datuk Seri cipta, lagu siapakah yang Datuk Seri paling gemari?**

DSDAK : saya cukup gemari lagu-lagu P Ramlee, sebelum saya menjadi pencipta lagu saya banyak dengar lagu-lagu P Ramlee, banyak lagu-lagu beliau sedap, jadi bila saya dapat bekerjasama dengan dia, dia pernah ambil lagu-lagu saya, saya rasa itu saya sangat bertuah kerana bukan senang P Ramlee ambil lagu-lagu ciptaan orang kerana dia sendiri pencipta lagu, saya suka dengar lagu-lagu P Ramlee kerana lagu-lagu dia boleh membawa ilham bagi saya untuk meneruskan menjadi seorang pencipta lagu.

**FN : Lagu artis kini, lagu siapakah yang Datuk Seri gemari?**

DSDAK : Selain daripada lagu-lagu P Ramlee, saya suka lagu-lagu English, boleh kata semua lagu saya dengar, lagu-lagu Hindustan saya dengar, tapi kita dengar sebab kita nak dapatkan idea untuk membuat lagu, kerana buat lagu ni bukan cara senang, untuk dapatkan ilham juga tidak senang. Jadi saya perlu dengar lagu-lagu yang diciptakan oleh pencipta-pencipta lain, lagu-lagu P Ramlee, lagu Hindustan, Lagu barat, lagu siapa yang sedap semua saya dengar.

**FN : Setahu kami Datuk Seri mencipta lebih daripada dua ribu (2000) lagu, apakah lagu yang paling susah untuk Datuk Seri tuliskan dan kenapa?**

DSDAK : buat lagu bukanlah senang, perlu ada ilham. Itu yang saya cakap tadi bila saya mula-mula buat lagu itu cara lain, sekarang caranya lain, dulu saya tidak dapat belajar karakter penyanyi, sekarang saya kena belajar karakter penyanyi, lagu-lagu saya bukan senang untuk disiapkan, macam lagu kau kunci cintaku susah untuk dibuat dan susah untuk ikut saya buat kerana ini semua anugerah tuhan, saya cuma bersyukur sahaja, jadi kita buat dengan baik dan teliti, InsyaAllah lagu-lagu yang baik akan datang

**FN : Apakah kejayaan dan anugerah terbesar yang Datuk Seri cipta sepanjang berkarya sebagai komposer?**

DSDAK : Saya banyak dapat “Award” jika datang rumah saya boleh tengok “award” saya seperti seniman Negara, saya dapat seniman Negara, itu merupakan anugerah yang besar kerana bukan senang untuk dapat seniman negara, yang award-award lain tu banyak saya dapat seperti Datuk Seri, ikon award tetapi yang besar adalah seniman Negara. Pada tahun 2006 saya dapat anugerah sebagai seniman Negara.

**FN : Apakah cabaran yang Datuk Seri hadapi sepanjang menjadi komposer yang Datuk Seri tidak dapat lupakan dan bagaimanakah Datuk Seri menghadapi cabaran-cabaran tersebut?**

DSDAK : (ketawa) cabaran-cabaran itu susah untuk dijawab, cabaran itu sentiasa ada. Saya kalau ingin membuat sesuatu itu saya akan lakukan dengan teliti, saya tidak boleh buat begitu sahaja. Begitu juga saya ambil penyanyi-penyanyi, saya perlu teliti betul, mengajar betul-betul kerana saya tidak ada pilih kasih, apa yang saya ajar adalah sama rata. Sama juga jika saya buat lagu, saya akan buat yang terbaik buat mereka, bukan kata penyanyi ini dapat lagu yang terbaik, penyanyi ini dapat lagu yang tak baik, tiada istilah begitu, bagi saya semua sama. Saya juga kuat dalam menjaga disiplin, dalam studio, jika saya cakap pukul sepuluh, pukul sepuluh mesti ada disana. Apa-apa pun disiplin nombor satu dan mereka tidak boleh kata tidak boleh buat kerana saya tidak suka kerana saya percaya semua boleh buat cuma perlu berusaha, jika betul-betul tidak boleh buat kita boleh tukar. Kebanyakannya apa yang saya saya cakap mereka boleh ikut

**FN : Datuk Seri ada sebut berkaitan seniman Negara, Datuk Seri pernah mendapat anugerah seniman Negara ketujuh pada tahun 2006. Apakah perasaan Datuk Seri dan harapan pada masa hadapan ketika Datuk Seri menerima anugerah tersebut.**

DSDAK : Saya rasa seperti bermimpi, tidak sangka tapi kalau bapa saya masih ada saya yakin yang bapa saya akan menangis sebab anugerah yang begitu besar dan bukan senang untuk saya dapat anugerah seniman Negara. Jadi saya rasa saya bertuah

kerana usaha saya, kerja begitu kuat jadi dengan izin Tuhan, saya selalu bersyukur jadi saya dapat award yang begitu tinggi. Susah untuk cakap bila dapat anugerah begitu tinggi sebagai seniman Negara, kita rasa bertuah sebab saya taat kepada ibu bapa dan itulah hasil yang kita dapat. Ibubapa nombor satu bagi saya dimana kita kena taat, kena sayang mereka jadi insyaAllah tuhan akan izinkan apa-apa yang kita inginkan. Itulah apabila saya mendapat anugerah seniman Negara saya bersyukur kepada Tuhan dan saya rasa jika ibu bapa saya masih ada mesti mereka akan menangis diatas anugerah yang cukup besar ini tapi ini semua telah tertulis sejak kita lahir cuma perlukan usaha sahaja. Perlu bersyukur dan perlu berusaha sahaja.

**FN : Siapakah rakan sekerja Datuk Seri yang banyak memberi sumbangan dalam dunia muzik dan komposer Datuk Seri sehingga hari ini?**

DSDAK : Saya bekerja sendiri tapi ada kawan-kawan yang bantu saya tapi tidak ramai. Saya buat kerja sendiri, kadang-kadang sehingga malam saya masih di studio. Jadi saya tekun betul-betul. Saya tidak ada kawan rapat sebagaimana yang ditanyakan tadi kerana semua saya buat sendiri.

**FN : Apakah Datuk Seri pernah menjalankan projek kerjasama dengan institusi tempatan atau luar negara dalam mencipta muzik?**

DSDAK : belum ada lagi, saya cuma pergi merekod diluar Negara kerana diarahkan oleh menteri dari Malaysia tapi dari luar belum ada lagi

**FN : Adakah Datuk Seri mempunyai syarikat muzik tersendiri?**

DSDAK : memang ada iaitu Nawab Production. Setelah saya bekerja dengan syarikat-syarikat lain saya tubuhkan Nawab production sampai sekarang masih ada syarikat saya. Saya tidak bekerja dengan orang lain, saya bekerja dengan syarikat sendiri iaitu Nawab Production

**FN : Datuk Seri pernah mencipta lagu untuk Allahyarham Tan Sri P.Ramlee, berapa banyak lagukah yang Datuk Seri cipta untuk beliau?**

DSDAK : Dengan P Ramlee Cuma dua lagu sahaja, tetapi dengan Saloma banyak kerana dia minta. Saya tidak boleh bagi dekat dia tetapi kalau dia minta baru saya beri. Cuma dua lagu dalam filem Nasib Do Re Mi. Lagu itu dinamakan Ilham tiba dan Taman Firdausi iaitu lagu duet dengan Saloma. Tetapi lagu yang saya ciptakan untuk Saloman banyak, saya juga pernah buat album untuk Saloma. Lagu dengan P Ramlee hanya dua itu sahaja yang dia minta dengan saya.

**FN : Selain daripada beliau, lagu seniman yang terkenal manakah yang juga Datuk Seri cipta?**

DSDAK : Banyak penyanyi-penyanyi yang terkenal sekarang semua saya pernah ciptakan lagu, semua mahu lagu ciptaan saya mereka ingin menyanyikan dalam album cuma saya pilih yang mana yang terbaik kerana lagu saya bukan senang untuk dibawa, kalau kita dengar senang tetapi nak nyanyi itu agak susah kerana itulah saya cakap saya buat lagu berdasarkan karate penyanyi. Kalau penyanyi itu bernyanyi, penyanyi lain tidak boleh menyanyi. Saya pernah buat buat satu “audition” memberi lagu kepada seorang penyanyi yang lain walaupun “standard” dia saya tetapi dia tidak boleh bawakan lagu itu sebaik penyanyi yang mula kerana itu saya cakap lagu yang ciptakan itu adalah lagu karakter. Lagu yang saya ciptakan untuk orang ini, jadi dialah yang punya. Boleh katakana semua lagu-lagu yang terkenal di Malaysia semua saya ciptakan termasuklah di Indonesia seperti Broery Marantika, Hetty Kroes Hendang, nak buat lagu untuk Broery Marantika bukan senang sebab di Indonesia jarang ambil lagu-lagu ciptaan dari Malaysia jadi bila dia terima lagu saya itu saya rasa bersyukur kerana saya antara pencipta lagu dari Malaysia yang diterima di Indonesia

**FN : Lagu Kau Kunci Cintaku Dalam Hatimu nyanyian Ramlah Ram pernah memenangi Anugerah Juara Lagu musim 3 pada tahun 1988, apakah perasaan Datuk Seri ketika itu sebagai komposer lagu ini?**

DSDAK : Sesiapapun kalau dapat jadi juara memang bangga kerana bukan senang untuk menjadi juara tetapi sebab saya tekun betul-betul. Sebelum lagu tersebut menjadi juara saya sudah tahu sebab tentang jualan album itu terlampau tinggi kerana belum ada lagi lagu-lagu dari Malaysia dari mana-mana penyanyi yang dapat jualan

begitu tinggi. Jadi bila cara juala itu begitu tinggi, saya tahu lagu ini akan menjadi lagu yang terbaik pada tahun 1988 lagu ini mendapat juara.

**FN: Kalau oleh kami tahu, sepanjang Datuk Seri menjadi seorang komposer dan pemuzik, adakah Datuk Seri menghadapi sebarang masalah?**

DSDAK : Masalah itu banyak, macam-macam masalah kita perlu sabar sebab kalau tiada masalah kita tidak akan berjaya. Jadi nak cerita tentang masalah itu memang banyak jadi kita perlu sabar, Insyallah kita akan berjaya kerana kesabaran itu penting pada diri kita.

**FN : Apakah perasaan Datuk Seri selepas lagu-lagu yang Datuk Seri cipta menjadi fenomena di negara kita?**

DSDAK : Saya rasa bangga, cukup bangga kerana itulah yang kita mahu kerana kita ingin mendapatkan kejayaan yang besar. Sampai ke harini saya tidak tahu macam mana saya boleh ciptakan begitu banyak lagu, banyak orang tanya saya mcm mana saya menjadi seorang pencipta tetapi saya sendiri tidak tahu macam mana kerana ini semua anugerah Tuhan, saya dilahirkan sebagai seorang pencipta lagu. Pada pendapat saya penyanyi di Malaysia ini banyak, banyak orang ingin menjadi penyanyi, tetapi penyanyi ada dua sejenis iaitu dilahirkan menjadi penyanyi dan dibuat. Yang dilahirkan sebagai penyanyi itulah yang akan bertahan tiga puluh hingga empat puluh tahun yang dibuat sebagai penyanyi itu akan bertahan sekejap sahaja. Saya bersyukur apa yang saya buat mendapat kejayaan.

**FN : Sebagai seorang komposer musik, apakah cabaran yang masih dihadapi oleh komposer musik pada zaman sekarang?**

DSDAK : Mereka ada cara mereka saya ada cara saya sendiri, kita Cuma buat yang terbaik sahaja. Jika kita hendak mengetahui lagu kita bagus ataupun tidak kita boleh tengok melalui jualan album kita, jika lagu itu tidak dapat jualan maknanya lagu itu kurang baik dan jika peminat tidak suka sama juga sama kerana peminat nombor satu, kalau peminat meminati lagu-lagu kita, lagu tersebut akan jadi popular kerana kita hanya boleh ciptakan sahaja dan jika tidak ada peminat lagu tersebut tidak boleh

dapat kejayaan dan bagi saya peminat adalah nombor satu kerana ramai peminat suka lagu tersebut akan jadi popular.

**FN : Seniman manakah yang paling sering Datuk Seri berurusan?**

DSDAK : Dengan P Ramlee, saya selalu dengan dia dan banyak kita tukar-tukar fikiran tentang muzik, tentang filem saya tidak boleh bercakap kerana dia lebih pandai daripada saya. Tentang muzik banyak yang dia tanya kepada saya, banyak saya beritahu tentang muzik kepada dia. P Ramlee juga seperti saya, dia tidak bersekolah untuk belajar tetapi anugerah Tuhan itulah yang diberikan untuk dia. Sebelum dia meninggal saya selalu pergi kerumahnya dan tinggal dirumahnya di Setapak Gading. Disitu saya sewakan dan jika diwaktu lapang selalu kita bincangkan tentang muzik. Jadi disitulah kita banyak dapat pengalaman dan idea saya dia boleh terima. Jadi saya bersyukur kerana bukan senang P Ramlee hendak menerima idea orang lain. Waktu dia ada kita selalu bincang, mencari ilham, mencari lagu-lagu yang terbaik, bagaimana untuk buat lagu yang terbaik. Jadi masing-masing ada cara sendiri.

**FN : Bolehkah Datuk Seri kongsi pengalaman atau nasihat di alam pekerjaan yang perlu kami ketahui?**

DSDAK : Ya, bagi saya dalam membuat satu-satu perkara itu kita kena tekun, sabar dan buat dengan betul, jangan tipu orang, jangan ambil duit orang, jangan aniyai orang dan InsyaAllah kita kan berjaya tetapi kita kena bersabar kerana cabaran mesti banyak yang akan datang, yang paling penting jangan aniyai orang jika orang minta pertolongan kita tolong apa yang kita boleh. Bagi saya saya tidak pernah ambil duit orang ataupun aniyai orang. Saya rasa itulah satu kejayaan jika kita buat benda yang betul insyaAllah kita akan dapat kejayaan.

## **TAMAT BAHAGIAN 6**

**NA : Baiklah kita teruskan lagi dengan bahagian seterusnya iaitu kerjaya sebagai seorang pemuzik. Bilakah mulanya Datuk Seri belajar meniup alat muzik saksofon ini?**

DSDAK : (ketawa) Saya mula belajar bermain alat muzik ini Ketika saya berumur lima belas (15) tahun. Saya asalnya bermain klarinet, iaitu satu alat yang panjang dan berwarna hitam. Selepas itu, saya tukar kepada bermain saksofon kerana saya sangat minat bermain saksofon. Jadi, bila kita sudah “start” suka bermain instrumen itu dan ingin menukar kepada instrumen lain itu senang. Dan di situlah bermulanya saya bermain saksofon hinggalah sekarang.

**NA : Berapa banyakkah album instrumental yang pernah Datuk Seri cipta?**

DSDAK : Album asal saya yang saya ingat ialah sebelas (11) album instrumental. Tetapi, album-album yang rekod menyanyi itu banyak.

**NA : Mengapakah Datuk Seri gemar akan alat muzik ini?**

DSDAK : Sebab dari kecil lagi saya memang suka bermain saksofon. Bunyinya merdu, bila kita mainkannya orang akan minat. Saya tidak minat trompet, gitar dan alat muzik lain tetapi saya juga suka bermain piano. Saya boleh juga bermain piano untuk membuat lagu, tetapi instrumen yang tekun saya mainkan ialah saksofon. Sampai ke hari ini saya praktis saksofon kerana alat ini ialah satu alat yang kita tidak boleh tinggal. Kalau kita tinggal dalam sebulan, akan menjadi satu kesushan untuk kita bermain balik. Apabila kita selalu praktis, perkara ini akan menjadi mudah untuk kita dalam membuat persembahan, disebabkan itulah kita tidak boleh tinggal praktis saksofon.

**NA : Adakah alat muzik saksofon ini susah untuk dimainkan?**

DSDAK : Ya. Memang susah, bukan senang. Kalau senang, semua orang boleh main alat muzik ini. Tetapi, kalau kita minat akan satu bend aitu, mesti akan menjadi senang.

**NA : Berapa lamakah Datuk belajar bermain saksofon?**

DSDAK : Sejak saya berumur lima belas (15) hingga tujuh belas (17) tahun sampailah kini. Saya terkenal dengan bermain saksofon sebab banyak album instrumental yang saya cipta. Di Malaysia, jarang ada album instrumental saksofon cuma Ahmad Nawab sahaja. Ada lagi pemain saksofon yang lain, cuma tidak mendapat sambutan.

**NA : Tadi Datuk ada sebut yang Datuk juga pandai bermain piano. Adakah Datuk pernah persembahkan alat muzik itu di mana-mana majlis?**

DSDAK : Tidak. Saya hanya bermain saksofon. Di mana-mana pun saya hanya bermain saksofon. Kalau saya tidak bermain saksofon sekalipun, mesti ada orang yang akan minta untuk saya bermain. Piano ini saya bermain hanya untuk membuat lagu sahaja, bukan untuk konsert ataupun majlis. Kalau saksofon, saya bermain untuk “show” dan konsert besar.

**NA : Adakah Datuk bermain alat muzik ini pada konsert Datuk beberapa hari yang lalu?**

DSDAK : Tidak. Kerana konsert tersebut hanyalah “tribute” sahaja, orang lin yang akan persembahkan lagu saya dan saya hanya duduk untuk menyaksikannya.

**NA : Adakah alat muzik ini memberi sedikit sebanyak Datuk Seri kenangan?**

DSDAK : Banyak kenangan. Bila saya bermain alat muzik ini, saya dapat kenal ramai nama-nama besar seperti Sultan. Orang pun akan suka kita, bila kita pergi mana-mana orang akan kenal kita termasuklah orang atasan mahupun orang bawahan.

**NA : Selain daripada hobi harian, adakah Datuk Seri bermain alat muzik ini di majlis-majlis besar?**

DSDAK : Ya. Saya pernah bermain alat muzik ini di majlis Sultan, buat konsert di Istana Budaya. Mungkin pada konsert yang akan datang saya akan bermain alat muzik ini.

**NA : Seterusnya, pernahkah Datuk Seri menyertai mana- mana pertandingan bermain saksofon ini?**

DSDAK : Belum pernah tetapi pertandingan menyanyi ada. Saya hanya membuat persembahan sahaja dengan alat muzik ini.

**NA : Adakah Datuk Seri mempunyai bilik rakaman muzik tersendiri di rumah?**

DSDAK : Ya. Kita kena buat benda tersebut sendiri, belajar sendiri dan jangan ikut cara orang. Kita jangan tiru orang, hal ini tak boleh ada dalam diri kita. Kalau kita tiru orang, kita tidak akan dapat populariti. Untuk orang yang suka meniru, mereka tidak akan kemana.

**NA : Mengikut kajian kami, Datuk Seri pernah menyertai kumpulan pancaragam, betulkah?**

DSDAK : Tidak pernah.

**NA : Siapakah yang selalu ada dengan Datuk Seri sepanjang Datuk Seri bermain alat muzik ini?**

DSDAK : “Family” saya dan anak-anak saya. (ketawa)

**NA : Adakah Datuk Seri hanya bergerak solo dalam bermain alat muzik ini?**

DSDAK : Kalau kita bermain saksofon, mesti aka nada pemuzik-pemuzik yang bagus di belakang kita. Biasanya kalau saya membuat persembahan, pemuzik-pemuzik yang lain haruslah handal supaya persembahan kita berjalan dengan baik.

**NA : Adakah Datuk Seri pernah mengajar sesiapa dalam meniup saksofon ini?**

DSDAK : Ada. Dulu ramai orang datang belajar dengan saya tetapi sekarang dah kurang. Mereka datang untuk belajar teknik dan cara untuk meniup alat muzik ini.

Sekarang kalau ada orang ingin datang belajar pun, saya terima sebab ilmu yang ada pada saya itu saya akan kongsi dengan sesiapa sahaja dan saya tidak akan simpan ilmu itu. Inshaallah, saya akan ajar.

**NA : Bagaimanakah perasaan Datuk Seri setelah menjadi seorang peniup saksofon yang terkenal?**

DSDAK : Perasaan itu saya boleh cakap yang merasa amat bangga. Bila Tuhan bagi kita anugerah lain daripada orang lain, kita akan berasa amat bersyukur. Alhamdulillah, kita akan mendapat benda yang lebih baik.

**NA : Mungkin Datuk Seri mempunyai tips yang boleh kongsikan kepada kami tentang saksofon ini?**

DSDAK : Kalau yang itu susah untuk saya cakap melalui Google Meet ini. Kamu perlu datang jumpa saya secara “personal”.

**NA : Adakah Datuk akan memberi tunjuk ajar kepada kami jika kami datang rumah Datuk suatu hari nanti?**

DSDAK : Inshaallah saya akan ajar, kalau kamu ingin belajar menyanyi sekalipun, saya akan ajar. Saya tidak pernah lokek ilmu, kalau sesiapa ingin belajar dengan saya, saya akan ajar.

**NA : Sewaktu Datuk Seri berumur 20 tahun, Datuk Seri pernah berpindah ke Kuala Lumpur untuk menjadi pemain saksofon di sebuah kabaret di Bukit Bintang, apakah dorongan untuk Datuk Seri berbuat sedemikian?**

DSDAK : Bila melibatkan tempat, kita kena pergi ke tempat yang heboh. Seperti Kuala Lumpur, satu tempat yang paling terkenal dengan nyanyian, hiburan, muzik. Contohnya, jika kita tinggal di Amerika kita haruslah berpindah di New York. Jadi jika saya tinggal di Pulau Pinang, mungkin bakat saya tidak berkembang. Saya dapat kenal ramai orang terkenal yang saya boleh belajar setelah saya berpindah ke

Kuala Lumpur. Jadi apabila berdamping dengan mereka, banyak ilmu yang saya dapat.

**NA : Pada tahun berapakah Datuk Seri mula bekerja dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM)?**

DSDAK : Tahun Sembilan belas enam puluh satu (1961). Bila RTM mula ditubuhkan, sayalah yang mula-mula bekerja di sana.

**NA : Apakah perasaan Datuk Seri ketika Datuk Seri dikenali sebagai seorang pemuzik Melayu yang pertama memainkan Saksofon Bariton dalam Orkestra RTM?**

DSDAK : Saya merasa amat bangga kerana saya adalah anak Melayu yang pertama bermain bariton. Kerana bariton adalah yang paling susah orang mainkan kerana saiznya yang besar sama tinggi dengan saiz seorang manusia normal. Saksofon itu juga pernah dipinjam oleh P. Ramlee dalam filem Masam-Masam Manis. Kalau awak ingat balik, semasa P. Ramlee bermain saksofon itu, saya yang mainkan dan dia hanya berlakon. Dalam filem lagi satu iaitu Ibu Mertuaku, saya juga bermain saksofon “tenasite”. Saksofon ini ada banyak jenis iaitu “tenasite”, “ultraside” dan banyak lagi. Yang paling ramai orang suka ialah “tenasite” dan “ultraside”. Orang yang rendah tidak boleh bermain saksofon ini sebab saksofon ini besar.

**NA : Adakah Datuk boleh bermain semua jenis saksofon?**

DSDAK : Ya. Kalau kita pandai bermain satu saksofon, sudah semestinya semua jenis saksofon kita boleh main.

**NA : Datuk Seri juga pernah menjadi penyanyi yang terkenal pada suatu ketika dahulu, adakah pernah terlintas di fikiran Datuk Seri untuk menyertai acara aneka ragam di televisyen yang melibatkan artis veteran?**

DSDAK : Tidak. Saya menyanyi hanya sambilan sahaja dan tidak sepenuhnya tumpu kepada nyanyian. Saya buat lagu untuk penyanyi-penyanyi lain. Bila saya ada

masa lapang, saya menyanyilah. Tidak banyak album sepenuhnya saya buat untuk menyanyi, saya hanya mencipta lagu. Sebab saya menyanyi tidaklah sehebat penyanyi lain.

**NA : Apakah kegagalan yang pernah Datuk Seri hadapi sepanjang karier ini?**

DSDAK : Di Malaysia ini, kita tiada tempat seperti sekolah untuk bertanya jadi kita perlu belajar dengan sendiri. Kalau kita jumpa orang yang pandai, kita pergi belajar dengan mereka. Kalau orang tidak mahu ajar, kita tidak boleh buat apa-apa. Jadi saya berusaha kuat dan dengan kuasa Tuhan saya mendapat peluang untuk bekerja di tempat yang baik. Bila saya pergi “oversea”, lagi banyak saya dapat bercampur dengan orang. Jadi itulah pengalaman-pengalaman yang saya ada sekarang.

**NA : Apakah nasihat Datuk Seri kepada pemuzik-pemuzik di luar sana?**

DSDAK : Nasihat saya jika kita main sesuatu kita kena main secara betul-betul dan kita perlu belajar dari bawah, kita perlu belajar “basic” dan kuatkan “basic” sebab bapa saya pesan “basic perlu kuat seperti pokok dimana bawah kena kuat jika tidak angin datang mesti pokok itu akan jatuh, begitu juga dengan muzik. Kita kena belajar kerana ada orang belajar gitar dua, tiga bulan main sudah mahu membuat persembahan, ini sebenarnya tidak boleh kerana perlu ambil masa yang lama tetapi “basic” perlu kuat. Itu lah nasihat saya, kalau mahu buat, buatlah betul-betul. Jika hendak jadi seorang composer biarlah jadi composer dengan betul-betul begiyu juga jika hendak jadi pemuzik, jadilah pemuzik betul-betul. Apa sahaja kerana iainya tidak boleh “shortcut” untuk jadi popular cepat, nak main dekat mana-mana, nak tunjuk dekat orang yang kita boleh main. Tetapi Cuma sekelip mata sahaja jika kita belajar dengan betul, insyallah kita bolehh berjaya.

**NA : Selain dari itu, adakah Datuk Seri masih berhasrat untuk memainkan alat muzik ini jika dijemput kemana-mana majlis atau konsert?**

DSDAK : InsyaAllah kalau boleh dan kalau saya ada masa saya akan pergi konsert mana-mana sahaja seperti di Kelantan (ketawa).

**NA : Datuk buat orchestra di UiTM pada suatu hari nanti**

DSDAK : Universiti Kelantan pernah mencipta buku berkaitan saya, mereka datang kesini berjumpa saya dan temubual saya untuk mencipta buku. (ketawa)

**NA : Adakah ada diantara anak Datuk Seri yang mewarisi bakat Datuk Seri dalam bidang muzik?**

DSDAK : Anak saya ada dua lelaki, seorang anak lelaki saya yang bernama Ismail boleh mencipta lagu dan sekarang beliau mengajar dalam bidang muzik di Tapah iaitu, Nasir pula bekerja distudio iaitu ditempat rakaman. Jika nak buat rakaman studio

**NA : Kiranya anak-anak Datuk yang dalam bidang muzik ini boleh bermain alat muzik seperti Datuk?**

DSDAK : Anak saya boleh bermain piano, dia tidak boleh bermain saksofon dia main piano sahaja

**NA : Adakah Datuk Seri pernah menjadi juri program realiti televisyen ataupun mana- mana program?**

DSDAK : Ada, banyak. Dulu Jamal Abdillah masuk “competition” saya yang menjadi juri. Ketika dia menang, sayalah yang menjadi juri. Dulu banyak tetapi sekarang saya sibuk dengan “ recording” orang jemput saya tetapi saya tidak sempat untuk pergi seperti program Gegar Vaganza, saya tidak pergi kerana saya tiada masa. Kalau dahulu banyak program saya pergi untuk menjadi juri

**NA : Sekiranya ada, adakah Datuk Seri akan menerima tawaran jika ditawarkan oleh mana-mana pihak dan mengapa?**

DSDAK : Jika ada masa Insyallah, di Kelantan atau dimana-mana. insyaAllah (ketawa).

**NA : Adakah Datuk Seri masih berhubung baik dengan artis pada masa kini dan dengan siapa?**

DSDAK : Artis-artis saya, saya akan jumpa apabila ada “show” kalau tidak mereka juga sibuk. Baru minggu lepas saya mengadakan satu konsert iaitu Tribute Ahmad Nawab di Istana Budaya, ketika itu saya jumpa artis-artis yang pernah bawah bimbingan saya. Artis-artis saya sibuk jadi kami tidak selalu jumpa kerana saya sendiri juga sibuk dan apabila ada konsert dimana-mana saya akan jumpa mereka

### **TAMAT BAHAGIAN 7**

**NA : Baiklah, seterusnya kita pergi ke bahagian sejarah lagu Cuti-Cuti Malaysia. Bagaimanakah Datuk Seri mendapat ilham untuk mencipta lagu ini?**

DSDAK : Sebelum saya mencipta lagu ini, saya mencipta lagu Malaysia Truly Asia. Ketika itu, Menteri Penerangan Tan Sri Kadir Che Fadhil yang menyuruh saya menulis lagu ini dan selepas itu lagu Cuti-Cuti Malaysia. Siti Nurhaliza yang menyanyikan lagu ini dan bagi saya membuat lagu itu tidak memberi saya banyak halangan kerana jika saya nak buat lagu itu, saya boleh buat.

**NA : Dalam ramai-ramai penyanyi terkenal, mengapakah Datuk Seri memilih Siti Nurhaliza sebagai penyanyi lagu ini?**

DSDAK : Bukan saya yang pilih tetapi menteri yang pilih penyanyi tersebut. Bila mereka memilih Siti Nurhaliza, saya hanya ikut sahaja.

**NA : Selain dari Datuk Seri sendiri, adakah sesiapa yang membantu Datuk Seri dalam mencipta lagu ini?**

DSDAK : Saya buat sendiri, tiada seorang pun yang membantu. Semua saya cipta sendiri sebab saya seorang yang kerja kuat. Kadang-kadang saya membuat kerja sampai pagi dekat studio. Walaupun penyanyi telah menyanyi tetapi saya tetap tapis supaya lagu itu menjadi lebih baik. Album itu bukan jadi begitu sahaja, kita harus

membuat dengan cara yang betul. Kadang-kadang penyanyi itu sudah menyanyi selepas itu balik dan hanya kita di studio yang menapis suara itu menjadi sedap dan akhirnya penyanyi yang akan mendapat nama.

**NA : Apakah irama lagu ini?**

DSDAK : Ia boleh jadi berbagai rancak seperti disko, rock, jazz pun boleh.

**NA : Pada tahun berapakah lagu ini diciptakan?**

DSDAK : Seingat saya pada tahun 2002 dan lagu ini sudah lama.

**NA : Semua orang tahu lagu ini adalah lagu yang terkenal, kalau tidak keberatan, bolehkah Datuk Seri berkongsi sedikit sebanyak tentang maksud lagu ini?**

DSDAK : Lagu ini adalah untuk memperkenalkan negara Malaysia. Berdasarkan lirik, ia mengatakan tentang percutian di Malaysia.

**NA : Adakah lagu ini mempunyai album ataupun sekadar sebuah lagu single sahaja?**

DSDAK : Tiada album. Ia kepunyaan kerajaan. Lagu ini untuk kebudayaan dan pelancongan sahaja sebab itulah lagu ini tiada album.

**NA : Adakah lagu ini pernah memenangi apa-apa anugerah dan jika ada, apakah anugerah tersebut?**

DSDAK : Tiada anugerah apa-apa kerana lagu ini hanya kegunaan komersial sahaja seperti membawa kita untuk bercuti di negara kita.

**NA : Lagu ini banyak digunakan untuk mempromosikan negara Malaysia di corong-corong radio dan televisyen, apakah perasaan Datuk Seri pada waktu itu?**

DSDAK : Saya merasa seronoklah lagu saya dimainkan kerana apabila kita buat sesuatu itu dan mendapat kejayaan, mestilah kita berasa amat bangga.

## TAMAT BAHAGIAN 8

**NA : Pada tahun 1999, Datuk Seri telah dihubungi oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia untuk menggubah sebuah lagu sempena kempen pelancongan negara berjudul ‘Malaysia Truly Asia’, apakah perasaan Datuk Seri ketika itu?**

DSDAK : Apabila saya mendapat peluang untuk mencipta lagu itu, saya berasa cukup bertuah kerana bukan senang untuk mendapat lagu itu yang dimainkan di seluruh dunia. Selalunya lagu kita dimainkan di negara kita, radio Malaysia ataupun dimana-mana tempat tetapi lagu ini akan dimainkan di seluruh dunia dan dinyanyikan oleh tujuh belas (17) bahasa. Jadi ini adalah anugerah yang besar bagi saya sebagai seorang pencipta lagu sebab ia bagai mimpi untuk mendapat hal seperti ini. Apabila saya diarahkan untuk membuat lagu Malaysia Truly Asia ini, saya berasa amat bertuahlah dan selepas itu saya perlu pergi ke banyak negara untuk merakam lagu di sana seperti Spain, Moscow, Paris untuk merakamkan lagu Bahasa mereka. Itu adalah kejayaan yang besar seumur hidup saya.

**NA : Apakah inspirasi Datuk Seri dalam mencipta lagu tersebut?**

DSDAK : Sangat susah untuk saya mendapat lagu ini. Ia adalah satu lagu yang besar kerana ia bukan lagu yang berada di piring hitam. Lagu ini membawa dan memperkenalkan Malaysia ke negara lain. Jika kita ingat, lagu ini menceritakan dengan kesenian negara Melayu seperti kompang dan serunai. Lagu ini bukan hanya sekadar lagu biasa, saya pernah merakam lagu ini di Istanbul dan seorang penghuni di sana berkata “I like your country, it’s beautiful”. Saya merasa banggalah kerana orang di sana cakap sebegitu walaupun mereka tidak pernah datang ke Malaysia. Apabila mereka dengar lagu itu, mereka tahu bahawa Malaysia adalah negara yang cantik. Lagu itu memang susah, kalau disuruh untuk membuat lagi, saya rasa saya tidak boleh. Semua instrumen saya masukkan dalam lagu itu iaitu “Malaysian instrument”. Sebab itulah apabila lagu ini dimainkan di sana, mereka merasa amat kagum kerana

instrumen yang mereka dengar seperti kompang tiada di negara mereka. Di sini kitab oleh tengok bahawa lagu ini sangat susah dicipta.

**NA : Dalam lagu Cuti-Cuti Malaysia, Menteri yang memilih Siti Nurhaliza menyanyi. ramai-ramai penyanyi, adakah kali ini Datuk Seri yang memilih Khadijah Ibrahim sebagai penyanyi lagu ‘Malaysia Truly Asia’?**

DSDAK : Saya yang memilih Khadijah Ibrahim untuk menyanyikan lagu itu. Saya pilih dia sebab saya tahu dia boleh menyanyi. Dia pernah menyanyi dengan saya, sebutan Inggeris dia juga bagus. Ketika saya memilih dia, menteri pun setuju. Sebab itulah lagu Cuti-Cuti Malaysia menteri memilih Siti Nurhaliza kerana dia sesuai dengan lagu Melayu dan sebutan Inggeris dia kurang sedikit. Kita harus bijak dalam memilih penyanyi untuk hasil lagu yang lebih baik.

**NA : Selepas lagu itu dilancarkan, Datuk Seri telah menerima satu anugerah. Apakah nama anugerah tersebut?**

DSDAK : Selepas lagu ini dilancarkan, saya mendapat Anugerah Seniman Negara ke-6. Itu adalah anugerah yang paling besar sekali sebagai seorang pencipta lagu dan saya tidak pernah bermimpi untuk mendapat anugerah tersebut. Bukan senang untuk mendapat anugerah tersebut. Sebelum ini sudah banyak anugerah-anugerah yang saya dapat dari Indonesia, Vietnam dan banyak lagi. Kalau datang rumah saya, memang penuh dengan trofi saya dalam bilik.

**NA : Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh Datuk Seri menerusi lagu ini?**

DSDAK : Lagu Malaysia Truly Asia ini menggambarkan “our beautify” negara Malaysia. Bila orang dengar lagu ini, mereka akan rasa ingin melawat negara Malaysia. Bila melihat liriknya, ia menunjukkan bahawa Malaysia ini cantik.

#### **TAMAT BAHAGIAN 9**

**NA : Bolehkah Datuk Seri berkongsi sedikit pengalaman atau nasihat di alam**

**pekerjaan yang harus kami ketahui?**

DSDAK : Mula-mula saya belajar, kesabaran, kejujuran, keikhlasan harus ada kerana dengan itu semua saya mendapat kejayaan. Kita harus membuat kerja itu dengan betul tanpa menipu dan aniaya orang, itu adalah prinsip saya yang selalu dipesan oleh bapa saya. Saya rasa itu adalah rahsia kejayaan saya. Sebab itulah, bila saya ajar penyanyi saya, saya akan ajar betul-betul sehingga mereka menjadi betul-betul terkenal.

**NA : Terima kasih. Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Datuk Seri Dr Ahmad Nawab di sepanjang berkhidmat sebagai seorang komposer, pemuzik serta penyanyi yang terkenal di Singapura dan Malaysia. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang muzik dan komposer para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum.**

DSDAK : Sama-sama. Waalaikumussalam.

## 5.0 RALAT

Sepanjang sesi temubual ini berlansung, terdapat beberapa masalah dan halangan yang terjadi yang tidak dapat dielakkan. Antara masalah dan halangan tersebut adalah:

1. Bunyi suara-suara di dalam rumah
2. Bunyi batuk
3. Bunyi selakan kertas
4. Bunyi notifikasi telefon

Walaupun bagaimapun, Semua masalah dan halangan ini tidak begitu mengganggu sesi temubual ini. Audio dan suara ketika temubual didengari dengan jelas dan kuat.

## 6.0 LOG TEMUBUAL

Faten Nazirah Ramli dan Nur Arrisya Azman menemubual Datuk Seri Dr Ahmad Khan bin wab Khan (Ahmad wab) yang dilahirkan 1932, di Pulau Ping. Temubual dijalankan secara atas talian melalui aplikasi Google Meet, mengei latar belakang peribadi, kerjaya dan pengalaman hidup sebagai seorang komposer, penyanyi dan pemuzik.

MASA	SUBJEK
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>	
